

## CABARAN MUSLIMAT DALAM PENGIMARAHAN MASJID DI BANDAR ILMU PUTRA MAHKOTA

Norul Huda Bakar<sup>1</sup>, Sahlawati Abu Bakar<sup>2</sup>, Khairunnisa Ismail<sup>2</sup> &  
Nazneen binti Ismail<sup>2</sup>

<sup>1</sup>Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

<sup>2</sup>Faculty of Islamic Civilization Studies, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia.

Corresponding Author: Norul Huda Bakar. Faculty of Syariah & Jurisprudence, Universiti Islam Selangor (UIS), 43000, Bandar Seri Putra, Selangor, Malaysia. Email: norulhuda@kuis.edu.my.

### Abstrak

Masjid merupakan pusat aktiviti bagi masyarakat Muslim. Konsep masjid yang seimbang dan holistik memainkan peranan yang kritikal dalam membentuk masyarakat Islam yang harmoni, berakhlak dan berdaya saing di dunia moden ini. Fungsi besar masjid memerlukan tenaga dan komitmen daripada kaum lelaki dan wanita dalam merencanakannya. Namun demikian, penglibatan muslimat dalam pengimarahannya sangat sedikit berbanding dengan muslimin sedangkan sumbangan muslimat juga sangat diperlukan dalam pengimarahannya. Justeru itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis cabaran muslimat dalam mengimarahkan masjid. Kajian dijalankan menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Sebanyak tiga buah masjid dan tiga buah surau di kawasan Bandar Ilmu Putra Mahkota dijadikan sebagai sampel kajian. Informan kajian dipilih dalam kalangan ahli jawatankuasa muslimat masjid bagi memastikan objektif kajian dicapai sebaiknya. Kajian ini menggunakan instrumen protokol temubual perbincangan kumpulan terfokus (*focus group discussion*). Data perbincangan ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan perisian Atlas.ti. Hasil kajian menunjukkan muslimat berhadapan dengan cabaran dari aspek diri sendiri, ilmu dan pengurusan masa bagi terlibat dalam pengimarahannya. Daripada ini diharapkan dapat memberikan panduan kepada pihak berkepentingan dalam memberikan sokongan kepada Muslimah untuk terlibat dalam pengimarahannya.

**Kata kunci:** Pengimarahannya Masjid, Cabaran Muslimat, Bandar ilmu

## ***(THE CHALLENGES FACED BY MUSLIMAT IN MOSQUE INVOLVEMENT IN BANDAR ILMU PUTRA MAHKOTA)***

### **Abstract**

The mosque serves as the center of activities for the Muslim community. The concept of a balanced and holistic mosque plays a critical role in shaping a harmonious, ethical, and competitive Islamic society in the modern world. The significant role of this mosque requires the energy and commitment of both men and women in its planning. However, the involvement of Muslim women in mosque development is minimal compared to men, even though the contributions of Muslim women are also essential in mosque development. Therefore, this study aims to analyze the challenges faced by Muslim women in mosque development. The study was conducted using a qualitative approach with a case study design. Three mosques and three suraus in the Bandar Ilmu Putra Mahkota area were selected as the study's samples. Study informants were chosen from among the mosque women's committee members to ensure that the study objectives were achieved. This study used a focus group discussion protocol as the interview instrument. The discussion data were transcribed and analyzed using thematic analysis with the Atlas.ti software. The study's results indicate that Muslim women face challenges in terms of self, knowledge, and time management when it comes to mosque development involvement. From this, it is hoped that this study can provide guidance to stakeholders in providing support to Muslim women in mosque development.

**Keywords:** *Women's challenges, Mosque imarah (enlivening), Bandar Ilmu*

Received: Oct 26, 2023

Accepted: Dec 11, 2023

Online Published: Dec 31, 2023

### **1. Pendahuluan**

Pengimarahkan masjid merupakan tanggungjawab semua orang Islam seperti mana penegasan yang diberikan Allah SWT dalam al-Quran. Dalam surah al-Taubah ayat 18 Allah SWT berfirman:

إِنَّمَا يَعْمُرُ مَسَاجِدَ اللَّهِ مَنِ آمَنَ بِاللَّهِ وَالْيَوْمِ الْآخِرِ وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَآتَى الزَّكَاةَ وَمِمَّا يَخْشَ  
إِلَّا اللَّهَ فَعَسَىٰ أُولَٰئِكَ أَن يَكُونُوا مِنَ الْمُهْتَدِينَ

*Sesungguhnya yang memakmurkan masjid Allah hanyalah orang-orang yang beriman kepada Allah dan hari kemudian, serta (tetap) melaksanakan salat, menunaikan zakat dan tidak takut (kepada apa pun) kecuali kepada Allah. Maka mudah-mudahan mereka termasuk orang-orang yang mendapat petunjuk.*

Sejajar dengan sabdaan Nabi SAW:

*“Dan setiap kali segolongan kaum berkumpul di rumah daripada rumah-rumah Allah (masjid), membaca al-Quran, dan bertadarus di kalangan mereka, nescaya diberikan ketenangan dan mereka dicucuri rahmat.” (Riwayat Muslim)*

Muslimat juga tidak terkecuali melibatkan diri dalam aktiviti pengimarah masjid memandangkan muslimat juga merupakan sebahagian daripada anggota masyarakat yang terlibat sama dengan program kemasyarakatan. Muslimah juga berperanan bagi membangunkan masyarakat khususnya dalam aspek akidah (Saari & Borhan, 2006), pembangunan (Soetrisno, 2016) dan politik (Hamidi & Mustafa, 2013). Disamping itu, muslimah juga turut diberikan hak dalam beribadah sama seperti lelaki termasuk menghadirkan diri ke masjid sama ada untuk mendirikan solat (al-Zuhaili, 2002), iktikaf (Ibu Qudamah, 2004) serta mengikuti pengajian agama di masjid. Daripada keperluan pengimarah masjid dan kebenaran hukum ini jelas menunjukkan bahawa muslimat perlu terlibat dengan usaha pengimarah masjid.

Kajian ini dijalankan bagi mengenalpasti cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam terlibat dengan pengimarah masjid. Cabaran ini perlu dilalui dengan sebaiknya kerana cabaran yang tidak dapat diuruskan sebaiknya akan membawa kesan buruk antaranya menyebabkan tekanan diri (Lazarus & Folkman, 1984), hilang keyakinan dan motivasi diri (Deci & Ryan, 1985), menjauhkan diri daripada masyarakat (Baumeister & Leary, 1995) dan yang paling dibimbangi ialah menjejaskan kesihatan fizikal (Cohen et al., 2007). Oleh itu, kajian ini dijalankan bagi mendapatkan respon sebenar berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh muslimat untuk terlibat dengan pengimarah masjid di Bandar Ilmu Putra Mahkota.

Bandar Ilmu Putra Mahkota merupakan wilayah yang mempunyai ekosistem pendidikan yang holistik dan dinamik. Dalam Bandar Ilmu, institusi pendidikan menjadi pusat yang berhubung dengan pihak luar dan menjadi rangkaian hubungan berkongsi aktiviti dengan komuniti serta masyarakat setempat. Konsep Bandar Ilmu Putra Mahkota memfokuskan kepada pembentukan masyarakat yang membudayakan ilmu dan bertindak berdasarkan dengan adab serta ilmu bagi mencapai objektif syariah (KUIS, 2021).

## **2. Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Reka bentuk ini dipilih kerana kajian ini bertujuan untuk meneroka, membuat interpretasi dan mendapat pemahaman yang mendalam tentang sesuatu entiti iaitu muslimat masjid. Bagi kajian ini, tiga buah masjid dan tiga buah surau dipilih sebagai sampel bagi mendapatkan data berkaitan dengan cabaran yang dihadapi oleh muslimat dalam mengimarahkan masjid. Lokasi masjid dan surau yang dipilih adalah yang berada dalam Bandar Ilmu Putra Mahkota di Daerah Hulu Langat.

Pemilihan sampel dilakukan secara bertujuan dengan tertumpu kepada wakil biro muslimat bagi setiap masjid dan surau yang terlibat untuk mendapatkan maklum balas berkaitan persoalan kajian. Berdasarkan kaedah pensampelan dan faktor lokasi, beberapa

buah masjid dan surau telah dikenal pasti iaitu Surau A, Surau B, Surau C, Masjid A, Masjid B dan Masjid C. Bagi pengumpulan data, instrumen protokol temubual melalui kaedah perbincangan kumpulan terfokus (*focus group discussion*) telah digunakan. Informan kajian yang terlibat terdiri daripada jawatankuasa muslimat yang sedang dalam tempoh lantikan. Data perbincangan kemudiannya ditranskrip dan dianalisis menggunakan kaedah analisis tematik dengan perisian *Atlas.ti*. Analisis bertema merupakan kaedah untuk meneliti perspektif peserta kajian berbeza dalam mengenal pasti tema dan kaitan pola-pola dalam sebuah fenomena melalui perbandingan antara persamaan dan perbezaan (Heriyanto, 2018).

### 3. Dapatan dan perbincangan

Gerak kerja mengimarahkan masjid memerlukan komitmen yang tinggi daripada setiap ahli jawatankuasa (AJK) masjid. Ini kerana, AJK masjid perlu merancang, melaksanakan dan menjayakan program-program berkaitan pengimarahkan masjid. Disamping komitmen yang banyak perlu digalas oleh AJK masjid, mereka juga berhadapan dengan cabaran-cabaran tersendiri. AJK Muslimat juga tidak terkecuali daripada menghadapi cabaran tersebut. Berdasarkan hasil perbincangan yang dijalankan dengan jawatankuasa muslimat daripada masjid dan surau dalam Bandar Ilmu mendapati tiga jenis cabaran iaitu cabaran yang melibatkan diri, ilmu serta masa.

#### 3.1 Cabaran Diri

Menurut responden dari Surau A, kekurangan diri dalam ilmu agama antara cabaran paling besar yang menjadi penghalang beliau terlibat menjadi AJK surau. Maklumat ini menunjukkan persepsi seseorang yang terlibat dengan pengurusan masjid atau surau perlu menguasai ilmu agama khususnya ilmu-ilmu berkaitan dengan fardu ain. Pernyataan responden:

*Antara yang paling menghalang bagi saya teragak untuk jadi AJK ini sebab saya sedar diri saya kurang. Saya akui dari segi ilmu duniawi, komputer, saving, IT and so on, tak ada masalah sebab memang jurusan kita. Jadi bila menjadi penghalang besar sangat berat nak terima benda itu saya rasa saya sangat dhaif ilmu akhirat. Saya tak pandai mengaji, tajwid tunggang langgang, nak doa ke yasin ke semua nak tengok terjemahan.*

Surau A

Responden Surau A juga memberikan maklumat tentang cabaran beliau apabila perancangan hidup beliau tidak berjalan seperti mana yang dirancangan. Maklumat ini menunjukkan, perubahan yang berlaku tidak seperti yang dirancangan boleh menjadi cabaran dalam diri bagi terlibat dalam pengimarahkan surau. Pernyataan responden:

*Pada asalnya bantu bendahari sahaja. Memang berat kerana niat itu asalnya kita bersara awal untuk menjaga orang tua. kita pergi itu untuk*

*tahu ilmu tetapi tidak sangka dilantik ketua muslimat dan membuat program.*

Surau A

Respondan Surau B juga mengatakan bahawa merasa kelemahan dalam diri boleh menjadi cabaran untuk terlibat dengan Jawatankuasa Surau. Respondan Surau B juga memberikan maklumat tentang cara menghadapi cabaran tersebut dengan bersama-sama dengan kumpulan yang boleh memberi sokongan dan memberi kekuatan bagi menghadapi cabaran tersebut disamping selalu menghadiri kuliah-kuliah agama. Pernyataan Responden:

*Menjadi Cabaran diri sendiri ini biasalah kadang terasa lemahkan diri kita, tapi kalau kita berada dalam kelompok yang betul kita akan saling memberi sokongan (dapat kekuatan). Kalau kita join rajin pergi kuliah insya-Allah kita diberi kekuatan untuk sama-sama berada dalam halaqah itulah.*

Surau B

Responden Surau B juga memberikan maklumat tentang peranan sebagai nenek juga menjadi cabaran untuk terlibat dengan Jawatankuasa Masjid kerana perlu menjaga cucu. Pernyataan Responden :

*satu cabaranlah. Nenek-nenek macam saya pun cabaran dia jadi babysitter.*

Surau B

Responden Masjid B juga memberikan maklumat berkaitan dengan umur tua juga menjadi cabaran kepada beliau terlibat dengan usaha-usaha pengimarah masjid kerana pergerakan yang semakin perlahan berbanding dengan orang muda. Pernyataan Responden:

*Cuma faktor umur sekarang orang tua ini tak bergerak laju sangat berbanding orang muda.*

Masjid B

Responden Surau C pula menyatakan cabaran diri beliau terlibat dengan pengimarah surau dan masjid adalah sikap AJK surau yang memberikan jawatan kepada sesiapa sahaja dengan mengejut menyebabkan beliau merasa tertekan kerana menerima jawatan dalam keadaan tidak bersedia. Perkara ini menyebabkan beliau mengelak daripada terlibat dengan aktiviti masjid atau surau. Pernyataan Responden:

*Saya pertama kali pegang jawatan itu rasa berat sebab kita pun tak sangka masa mesyuarat muslimat itu tiba-tiba ingatkan AJK biasa bila terus dilantik ketua muslimat, tidak boleh terima juga lah.*

Surau C

### 3.2 Cabaran Ilmu dan Kemahiran

Responden Surau B mengatakan cabaran dari sudut ilmu yang dihadapi oleh beliau ialah ilmu tentang cara menyediakan laporan dan cara menggunakan perisian Microsoft Excel. Beliau juga menjelaskan cara beliau mengatasi cabaran tersebut dengan mendapatkan maklumat daripada internet dan meminta bantuan daripada kawan-kawan yang mempunyai kemahiran tentang perisian-perisian yang diperlukan. Penyataan Responden:

*Dulu saya tak tahu nak buat report, excel dan apakan. Bukan tak tahu tak mahirkan, tapi bila kita dah terpaksa buat kita cari jalan cara yang effective untuk kita jalankan amanah itu. So itu pada saya antara ilmu dan kreativiti itu kita perlu cari, gunakan apa yang ada di sekeliling kita sekarang ini, internet atau kawan-kawan yang lebih berilmu untuk merancang dan merangka apa program yang kita akan buatlah.*

Surau B

Responden Surau A memberikan maklumat bahawa kemahiran memandu sangat diperlukan dan akan menjadi cabaran yang besar bagi orang yang tiada kemahiran memandu untuk terlibat dengan Jawatankuasa masjid atau surau. Ini kerana keperluan sebagai AJK yang perlu memandu untuk melaksanakan tugas sebagai AJK. Maklumat ini menunjukkan kemahiran memandu juga boleh menjadi cabaran bagi yang terlibat dengan Jawatankuasa surau dan masjid. Penyataan Responden:

*Memandu sangat penting. Bagi saya kalau sebagai ketua tak boleh memandu long distance satu benda yang sangat rugi.*

Surau A

Responden Surau A memberikan maklumat tentang cabaran menguasai IT dan juga telefon bimbit yang digunakan sebagai alat komunikasi. Maklumat ini menunjukkan bahawa cabaran mengendalikan gajet sering dihadapi oleh warga emas khususnya yang tidak mempunyai kemahiran dan mempunyai kekurangan daripada aspek penglihatan. Penyataan Responden:

*Minta maafalah kalau yang umur 60 lebih ni makcik-makcik nak scroll, lepas itu ada masalah dengan IT, scroll nak besarkan tulisan, font. Kesian juga.*

Surau A

Responden Masjid A memberikan maklumat tentang cara mengatasi cabaran ilmu iaitu dengan terlibat dengan pengimarah masjid. Cabaran ilmu ini dapat diatasi dengan pengalaman yang diperoleh dan bantuan daripada orang sekeliling seperti suami, anak-anak dan AJK masjid yang lain. Penyataan Responden:

*Kita dapat ilmu itu mungkin daripada suami pun ada. Saya banyak belajar daripada pengalaman, internet pun tak pandai banyak minta tolong anak. Laporan masjid imam bantu nazir bantu.*

Masjid A

Responden Surau A mengatakan cara beliau mengatasi cabaran ilmu ini dengan memilih tugas dalam Jawatankuasa surau yang bersesuaian dengan bidang dan pengalaman beliau. Pernyataan Responden:

*Kelebihan saya, saya rasa dari segi administration, IT lah sebab kita dalam bidang itukan.*

Surau A

Responden Masjid B memberikan maklumat tentang pengalaman merupakan kaedah terbaik dalam menghadapi cabaran ilmu dalam Jawatankuasa masjid. Ini menunjukkan bahawa pengalaman terlibat usrah dapat memandu seseorang yang terlibat dengan Jawatankuasa masjid untuk menguruskan ilmu-ilmu baharu yang perlu dikuasai dalam Jawatankuasa masjid. Pernyataan Responden:

*Saya terlibat dengan usrah dari umur saya 20 lagi. Daripada dengan usrah masa itu duduk di UKM Bangi tahun 79. Jadinya banyak pengalaman-pengalaman kami di situ. Ilmu-ilmu ini kita bergaul dengan masyarakat orang yang berilmu tinggi-tinggi apa semua itu, sekurang-kurangnya dapat sedikit untuk kita walaupun saya tidak belajar di UKM.*

Masjid B

*Jadi ilmu dalam usrah membantu kami macam mana pergi usrah bawa anak-anak.*

Masjid B

### 3.3 Cabaran Pengurusan Masa

Responden Surau B memberikan maklumat berkaitan cabaran pengurusan masa yang perlu kebijaksanaan untuk menguruskannya. Antara perkara yang perlu diutamakan adalah urusan berkaitan dengan rumah tangga dan keperluan keluarga dilunaskan terlebih dahulu sebelum menumpukan tugas Jawatankuasa surau. Pernyataan Responden:

*Kena dahulukan yang di rumah sebelum kita keluar laksanakan tugas kita kat luar itu. Dan juga masa samalah dalam kita mengurus masa dan keluarga itu saya rasa dalam kerangka yang sama. Perlu kebijaksanaan untuk bahagikan.*

Surau B

Responden Surau B mengatakan tentang cabaran pengurusan masa perlu dihadapi adalah memilih masa yang sesuai untuk menyelesaikan tugas Jawatankuasa surau sebaiknya. Disamping dapat menunaikan tanggungjawab kepada keluarga. Pernyataan Responden:

*Biasanya pagi. Pagi masa tu pukul lima kan tak ada siapa kacau. Itu masa kita macam me timekan. Nak buat program apakan. Sebab bila suami nampak kita ini busy, saya cuba untuk tidak tunjukkan yang saya*

*ini sibuk sangat. Untuk buat report ke akaun ke kan. Cuba cari masa yang tak melibatkan suami.*

Surau B

Responden Masjid A menjelaskan cabaran pengurusan masa yang dihadapi tidak mengganggu kehidupan harian beliau. Ini kerana beliau boleh menyelesaikan tugas pengurusan masjid pada bila-bila masa sahaja.

*Pengurusan masjid bila ada masa lapang. Kadang-kadang lepas zohor itu kita free kan? Bukalah komputer. Saya tak kira masa, ada masa je saya akan buka laptop buat kerja.*

Masjid A

#### 4. Penutup

Berdasarkan dapatan kajian ini, dirumuskan bahawa Jawatankuasa muslimat masjid dan surau menghadapi cabaran-cabaran dari aspek diri, ilmu dan pengurusan masa. Cabaran diri yang mereka hadapi ialah berkaitan dengan kekurangan dan kelemahan dalam ilmu agama, perancangan yang berubah, diberikan jawatan dalam keadaan belum bersedia dan umur tua yang membataskan pergerakan dan penglibatan. Cabaran dari aspek ilmu pula, mereka menghadapi cabaran untuk menguasai ilmu-ilmu berkaitan dengan IT, perisian-perisian moden, pengurusan organisasi, kemahiran memandu dan gajet. Manakala bagi cabaran pengurusan masa, AJK muslimat ini berhadapan dengan cabaran membahagikan masa di antara keluarga dan tugas sebagai AJK. Selain itu, mereka juga perlu memperuntukkan masa khusus bagi menyelesaikan tugas sebagai AJK tanpa mengabaikan tanggungjawab terhadap keluarga. Kajian juga mendapati AJK muslimat ini mampu menghadapi cabaran-cabaran ini dengan baik iaitu dengan sentiasa menambah ilmu yang diperlukan, sentiasa bersama-sama dengan kumpulan yang dapat membantu mereka serta menggunakan pengalaman mereka sebaiknya dalam tugas sebagai AJK masjid atau surau.

#### 5. Penghargaan

Geran Penyelidikan dan Inovasi KUIS (GPIK) 2022. Kod Penyelidikan: (2022/P/GPIK/GPM-02/021).

#### RUJUKAN

- Baumeister, R. F., & Leary, M. R. (1995). The Need to Belong: Desire for Interpersonal Attachments as a Fundamental Human Motivation. *Psychological Bulletin*, 117(3), 497–529.
- Cohen, S., Janicki-Deverts, D., & Miller, G. E. (2007). Psychological Stress and Disease. *JAMA*, 298(14), 1685–1687.
- Carver, C. S., & Scheier, M. F. (2001). *On the Self-Regulation of Behavior*. Cambridge University Press.

- Deci, E. L., & Ryan, R. M. (1985). Intrinsic Motivation and Self-Determination in Human Behavior. *Springer*.
- Hamidi, K. A., & Mustafa, Z. (2013). Politik Gender : Perbandingan Peranan Wanita Dan Proses Politik Di Malaysia-Jepun : Halangan Dan Prospek. *E-Journal of Social Science Research*.
- Heriyanto. (2018). Thematic analysis sebagai metode menganalisa data untuk penelitian kualitatif. *ANUVA*, 2(3), 317-324. <https://doi.org/10.14710/anuva.2.3.317-324>
- Ibn Qudamah, Abi Abdillah bin Ahmad bin Muhammad. (2004). *Al-Muqhni*. Peny: Muhammad Syarifuddin Khattab. al-Qaherah. Dar al-Hadith.
- Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor. 2021. Gugusan Pendidikan Negeri: Pelan Tindakan Bandar Ilmu Putra Mahkota. Kajang. KUIS.
- Lazarus, R. S., & Folkman, S. (1984). Stress, Appraisal, and Coping. *Springer*.
- Saari, C. Z., & Borhan, J. T. (2006). Peranan Wanita dalam Pengukuhan Akidah Umat Islam. *Jurnal Usuluddin*, Volume 23(Issue 23), 35–50.
- Salleh, S. F. (2011). Muslimah Dan Masjid Dari Perspektif Aktiviti Ibadah. *Jurnal Islam Dan Masyarakat Kontemporari*, (Keluaran Khas), 71–81.
- Soetrisno, L. (2016). Peranan Wanita Dalam Pembangunan: Suatu Perspektif Sosiologis. *Populasi*. <https://doi.org/10.22146/jp.10692>
- Wahbah al-Zuhaili. ( 2002). *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh*. Syria. Dar al-Fikr.